

Pendidikan Ilmu Taranum Al-Quran

Muhd Syahazizamir Sahmat^{1,*}, Dayangku Farah Azeila Awg Mohammat¹, dan Shakinah Mustapha¹
¹Politeknik Mukah Sarawak, KM 7.5, Jalan Oya 96400 Mukah, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: azizamir@pmu.edu.my

Abstrak

Guru merupakan individu penting dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar di sekolah. Dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan, guru perlu menguasai kaedah dan teknik pengajaran dengan baik dan mahir dalam mata pelajaran yang diajar. Aspek-aspek ini penting untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai (Noor Fazillah Hassan et al., 2015). Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti pendidikan ilmu taranum dari aspek kaedah, teknik, aktiviti pengajaran dan penggunaan ABM dalam pendidikan taranum al-Quran. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian literatur. Data yang diperoleh adalah hasil dapatan yang dikeluarkan daripada kajian-kajian yang pernah dilakukan tentang satu topik atau isu yang berkaitan dengan topik penulisan ini seterusnya membentuk satu penulisan yang baharu. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan iaitu *talaqqi musyafahah*, *takrar*, *tasmi'* dan *al-fahm*. Hasil dapatan juga menunjukkan antara teknik pengajaran yang boleh digunakan dalam pendidikan taranum ialah teknik beransur-ansur, pengenalan asas taranum, pemanasan suara dan latihan taranum. Selain itu, antara aktiviti pengajaran yang boleh digunakan ialah mendengar bacaan qari dan qariah, berzanji dan marhaban, nasyid dan qasidah. Hasil dapatan juga menunjukkan antara ABM yang boleh digunakan ialah mushaf al-Quran, bahan elektronik seperti mp3, cd, video, komputer, pita rakaman, komputer, pembentangan slaid, papan tulis, pen, kertas, pena penanda dan kitab-kitab tafsir.

Kata kunci: - pendidikan, taranum, Al-Quran

1. Pengenalan

Al-Quran merupakan kitab agung yang Allah SWT turunkan kepada junjungan besar Rasulullah SAW untuk disampaikan kepada umat manusia sekalian alam (Shahroz, 2014). Keagungan al-Quran dapat dilihat melalui kemukjizatannya dari pelbagai aspek termasuklah aspek bacaan (Ahmad, 2000).

Menurut Nik Jaafar (1998) menyatakan Allah SWT telah menurunkan ayat yang menyeru Rasulullah SAW memperelok bacaan ketika membaca al-Quran berdasarkan surah Muzammil ayat 4:

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً

Dan bacalah Al-Qur'an itu dengan perlahan-lahan (Al-Muzammil: 4).

Taranum merupakan salah satu kurikulum yang terdapat dalam pendidikan berkaitan dengan al-Quran (Nik Jaafar, 1998). Menurut Lukman et.al (2012), dalam tilawah al-Quran seharusnya dibaca dengan paling baik dan merdu sesuai dengan status al-Quran itu sendiri. Oleh itu, menjadi satu keperluan dalam usaha mempelajari ilmu taranum bagi menunaikan hak tilawah al-Quran dengan sebaik-baiknya.

Mempelajari al-Quran menjadi satu keperluan kepada umat Islam untuk menunaikan hak tilawah al-Quran dengan sebaik-baiknya (Lukman et al., 2012).

2. Latar Belakang Kajian

Taranum al-Quran mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Syarat-syarat inilah yang membezakan diantara taranum al-Quran dengan taranum yang lain. Dalam erti kata lain, taranum al-Quran mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang boleh dikenali dengan istilah-istilah yang tertentu, taranum al-Quran berbeza dengan taranum yang lain seperti qasidah, berzanji dan sebagainya. Tanpa ciri-ciri taranum tersebut, taranum al-Quran tidak akan dikatakan sebagai taranum (Lukman, 2010).

Terdapat satu tinjauan yang telah dilaksanakan bagi mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan tajuk yang dilakukan. Menurut Hassan et al. (2015) menyatakan guru merupakan individu penting dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar di sekolah. Dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, guru perlu menguasai kaedah dan teknik pengajaran dengan baik dan mahir dalam mata pelajaran yang diajar. Aspek-aspek ini penting untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.

Dalam kajian Zamri dan Magdeline (2012), keupayaan seorang guru yang mengajar sesuatu mata pelajaran dengan berkesan adalah bergantung kepada

pengalaman, pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi mata pelajaran tersebut. Selain itu, guru juga perlu memperkukuhkan penguasaan kemahiran dan strategi pengajaran agar pencapaian murid sentiasa berada di tahap yang tinggi.

Dalam kajian Ilyani (2011), beliau menyatakan bahawa terdapat guru KKQ yang mengajar kemahiran al-Quran di sekolah menengah tidak dapat mengajar taranum dengan betul. Hal ini terjadi kerana kurangnya kursus dan pendedahan terhadap bidang berkaitan.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, terdapat beberapa isu yang dapat dikenalpasti. Kajian lepas yang dinyatakan mendorong penulis untuk membuat kajian literatur berkenaan dengan pendidikan ilmu taranum.

Penyataan masalah dalam kajian ini berfokus kepada pengajaran taranum al-Quran dari aspek kaedah, teknik, aktiviti pengajaran dan penggunaan ABM.

Kajian yang dilakukan oleh Nasir dan Rubiyah (2005) mendapati bahawa penguasaan taranum dalam kalangan guru adalah rendah. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Aderi (2008); Razi (2008); Nuruddin (2008) dan Lukman (2010) yang menegaskan bahawa guru kurang mengalunkan taranum ketika mengajar tilawah al-Quran.

Dari aspek kaedah pengajaran, menurut Aderi (2009) yang berkaitan dengan amalan pengajaran tilawah al-Quran sekolah menengah di Malaysia, item “guru mengajar tilawah al-Quran secara bertaranum (berlagu)” adalah berada pada item yang terendah. Dapatan ini dapat dilihat selaras dengan kajian Shahroz (2014) yang mendapati bahawa penguasaan taranum dalam kalangan pelajar adalah lemah kerana bukan sahaja guru taranum kurang dalam penggunaan teknologi pengajaran dan pembelajaran tetapi lemah dalam kaedah pengajaran.

Dari aspek teknik pengajaran, Razi (2008) menyatakan teknik ini memudahkan pelajar untuk menguasai taranum al-Quran. Walaubagaimanapun, hasil dapatan Shahroz (2014) menunjukkan bahawa terdapat beberapa teknik yang penting diabaikan dalam pengajaran dan pembelajaran taranum al-Quran.

Dari sudut alat bantu mengajar, Aderi (2011) menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran adalah masih kurang. Dapatan ini disokong melalui saranan daripada Shahroz (2014) dimana guru seharusnya menggunakan ABM semaksimumnya sama ada berbentuk elektronik ataupun tidak. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan alat bantu mengajar kurang diberi perhatian.

Daripada penyataan masalah tersebut, masih terdapat kekurangan yang perlu kepada penambah penguasaan pendidikan ilmu taranum dari aspek kaedah teknik, aktiviti pengajaran dan penggunaan ABM dalam pengajaran taranum al-Quran.

Dengan penulisan ini, sedikit sebanyak boleh membantu guru meningkatkan lagi pengetahuan tentang pendidikan ilmu taranum bagi mencapai objektif dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam bidang al-Quran.

3. Metodologi

Kajian literatur adalah satu penelitian perpustakaan dengan membaca berbagai buku, jurnal, dan terbitan-terbitan lain yang berkaitan dengan topik penelitian untuk menghasilkan satu penulisan berkenaan dengan satu topik atau isu tertentu (Marzali, 2016).

Penulis menggunakan kaedah kajian literatur dalam penulisan ini bagi mengenalpasti pendidikan ilmu taranum al-Quran dari aspek kaedah, teknik, aktiviti pengajaran dan penggunaan ABM dalam pendidikan taranum.

Data yang diperoleh adalah hasil dapatan yang dikeluarkan daripada kajian-kajian yang pernah dilakukan tentang satu topik atau isu yang berkaitan dengan topik penulisan ini seterusnya membentuk satu penulisan yang baharu.

4. Dapatan Kajian

4.1 Taranum

Ibn al-Manzur (1405h) dalam kitab *Lisan al-‘Arab* menyebut, taranum dari sudut bahasa, berasal daripada perkataan *ترنم* yang bererti menyanyi, mendendangkan dan memperelok suara terhadap sesuatu.

Selain itu, menurut Labieb Saied (n.d), taranum juga bermaksud *لحن* yang bermaksud membaca dengan nada suara yang indah atau suara yang dibawakan dalam bentuk seni.

Menurut Sahrani (2001), penggunaan perkataan taranum ini juga sering digunakan dan paling dikenali di Malaysia sebagai bukti istilah taranum ini merujuk kepada lagu-lagu al-Quran atau membaca al-Quran secara berlagu. Penggunaan perkataan taranum juga bertujuan untuk membezakan dengan lagu-lagu dan irama yang lain seperti lagu nasyid, qasidah, berzanji, tausyih dan lain-lain.

Menurut Norakyaire et al. (2008), taranum boleh didefinisikan dari sudut bahasa sebagai irama dan lagu. Dari sudut istilah pula ialah suatu ilmu atau kaedah suara yang dibunyikan menerusi nada, rentak dan irama yang tertentu untuk menambahkan

kelunakan seni bunyi sesuatu bacaan khususnya bacaan al-Quran.

Menurut Jaafar (1998), tarannum bi al-Quran ialah suatu ilmu atau kaedah yang membicarakan tentang variasi bunyi yang pelbagai mengikut proses nada, rentak dan irama yang tertentu bertujuan untuk menambahkan keelokan seni bunyi sesuatu bacaan al-Quran.

Di samping itu, antara ciri tarannum al-Quran yang telah dijelaskan ialah nada iaitu tingkatan atau tekanan bunyi suara, rentak iaitu gerakan untuk menghidupkan bunyi suara dan irama iaitu alunan atau bentuk bunyi. Setiap tarannum al-Quran ini mestilah tidak terpisah daripada ciri-ciri tersebut. Sesuatu bunyi yang tidak mengandungi ketiga-tiga ciri-ciri tersebut tidaklah dikatakan sebagai tarannum bil Quran yang tidak mengandungi ketiga-tiga ciri-ciri tersebut tidaklah dikatakan sebagai tarannum bi al-Quran.

4.2 Falsafah Pendidikan Taranum Al-Quran

Falsafah tarannum al-Quran menurut Jaafar (2007) ialah bahawa melagukan al-Quran ialah suatu usaha ke arah pencapaian amalan membaca al-Quran yang bernilai tinggi, bagi menghubungkan rasa hati pembaca dan pendengar kepada keagungan Allah SWT.

Menurut Hilmi (2010) falsafah pendidikan tarannum al-Quran adalah bagi meningkatkan syiar Islam dari segi pengamalan dan penghayatan dalam bacaan al-Quran.

Melalui penghayatan dalam pembacaan al-Quran akan melahirkan insan yang berakhlak dengan akhlak al-Quran seterusnya membawa kepada pemartabatan al-Quran sebagai mukjizat yang diturunkan oleh Allah SWT (Hilmi 2010).

4.3 Kaedah Pengajaran Taranum Al-Quran

Bahagian ini membincangkan kaedah pengajaran tarannum al-Quran berdasarkan model tarannum al-Quran Mazhair Shahroz (2014) dari aspek *talaqqi musyafahah*, *takrar*, *tasmi* dan *al-fahm*.

a. Talaqqi Musyafahah

Kaedah *talaqqi musyafahah* ini merupakan kaedah yang telah pun digunakan pada awal penurunan al-Quran lagi (Hilmi, 2010).

Menurut Razi (2008); Zulkifli (2011) dan Misnan et al. (2013), kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* ini ialah suatu kaedah pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar, membetul kesalahan (tashih) dan menyebut semula dengan baik dan lancar.

b. Takrar (Latih Tubi)

Menurut Khalid (2011), kaedah *takrar* ini ialah kaedah yang baik bagi pengajian tarannum al-Quran kerana kaedah *takrar* boleh menguatkan ingatan murid. Kaedah ini lebih cepat dapat diikuti oleh murid yang mempelajarinya, kerana tarannum bukan pelajaran yang dapat dilihat tetapi perlunya mendengar dan membuat ulangan. Tanpa kaedah ini, murid kemungkinan lambat berjaya menguasainya (Khalid, 2011).

Kaedah ini juga sesuai digunakan dalam pengajaran dua atau tiga hala. Dari sudut keberkesanan kaedah ini, kaedah *takrar* dapat dilihat secara eksplisit kerana pelajar dapat membaca potongan kalimah atau ayat tertentu dengan betul selepas beberapa kali diulang, atau pelajar dapat membaca surah tertentu dengan lancar (Sahli, 2008).

c. Tasmi

Menurut Razi (2008), qari atau qariah yang sudah menguasai tujuh maqam lagu al-Quran, dapat menunaikan *harakat-harakat* lagu dengan baik, mampu mengawal suara ketika berada pada mana-mana *tabaqat* suara dan mampu menyempurnakan segala ciri-ciri tarannum, maka perlu ditasmi' bagi memperbaiki bacaan tarannum al-Quran.

Menurut Khalid (2011), kaedah *tasmi* juga digunakan oleh seorang guru bagi meningkatkan tahap penguasaan tarannum dan mengenal pasti kesalahan pelajar Ketika membuat alunan tarannum, memberi idea-idea ke arah pengukuhan kepada pelajar yang lain, mengetahui kemampuan seorang dalam tarannum al-Quran dan menyesuaikan lagu yang sesuai dipersembahkan oleh seseorang bergantung pada kemampuan suaranya.

d. Al Fahm (Kefahaman)

Menurut Razi (2008), tarannum al-Quran yang baik ialah tarannum yang sentiasa menyesuaikan bacaan dengan kehendak bahasa al-Quran dan bentuk ragam ayat-ayat al-Quran. Dengan erti kata lain, al-Quran perlu difahami oleh sesiapa sahaja yang membacanya. Jika ayat tersebut berbentuk azab, duka cita atau sedih maka irama bacaan ialah selari dengan maksud ayat al-Quran.

Ini menjadi suatu kelebihan bagi para Qura' yang fasih dalam bahasa Arab kerana fasih dalam bahasa Arab akan meningkatkan kualiti bacaan (Razi, 2008).

Menurut Lukman (2010), menyatakan bahawa menjadi perkara *ghuluw* atau keterlaluan sekiranya seseorang itu membaca tanpa menghiraukan makna sehinggakan bertentangan lagu dengan maksud al-Quran.

Kesimpulannya, dalam pendidikan taranum itu sendiri mengandungi beberapa bentuk kaedah pengajaran yang boleh digunakan oleh para guru iaitu *talaqqi musyafahah, takrar, tasmi' dan al-fahm*. Kaedah ini merupakan asas dalam pendidikan taranum berdasarkan model taranum yang dibawa oleh Shahroz (2014).

4.4 Teknik Pengajaran Taranum Al-Quran

Terdapat beberapa teknik pengajaran taranum al-Quran berdasarkan model taranum Shahroz (2014) iaitu teknik beransur-ansur, pengenalan asas taranum, pemanasan suara dan latihan taranum.

a. Beransur-Ansur

Menurut Razi (2008), dalam konteks taranum, guru akan membincangkan hal yang bersifat asas pada peringkat permulaan pengajaran taranum. Pengajaran taranum pada peringkat asas akan lebih tertumpu pada aspek yang memerlukan latihan pada *harakat, qi'ah, tabakat, burdah, mahattah, ikhtilal al-lahn, wuslah al-mumathalah*, dan sebagainya. Setelah menguasai kesemua aspek kecil ini, barulah berlaku proses pengukuhan (Khalid, 2011).

b. Pengenalan Asas Taranum

Lukman (2010) menyatakan pengenalan asas taranum amat penting diketahui bagi mengelak berlakunya penyelewengan ketika belajar.

Menurut Razi (2008), perkara asas yang perlu ditekankan ialah aspek tajwid. Bacaan dengan menjaga hukum tajwid merupakan kewajipan dalam taranum (Razi, 2008).

Selain itu, menurut Luqman (2010), turut ditekankan ialah pengenalan asas dari segi suara seperti *qarar, nawa, jawab dan jawabul jawab*. Pengenalan asas dari segi suara juga penting dalam pengajian taranum (Lukman, 2010).

c. Pemanasan Suara

Menurut Sahli (2018), pemanasan suara perlu dilakukan bagi melonggarkan otot-otot pada rongga suara. Hal ini kerana untuk memudahkan melontar suara dengan baik ketika melontar pada *tabaqat* (tingkatan) *jawab* dan *jawab al jawab* (Sahli, 2018).

d. Latihan Taranum

Latihan taranum akan dilakukan berdasarkan lagu dan ayat yang sesuai. Teknik latihan taranum boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian dan perlu mengikut tertib yang betul ketika melaksanakannya seperti latihan membaca ayat al-Quran, latihan membaca suku kata al-Quran, latihan membaca

kalimah al-Quran, dan membaca surah al-Quran (Lukman, 2010).

Kesimpulannya, dalam pendidikan taranum itu sendiri mengandungi beberapa bentuk teknik pengajaran yang boleh digunakan oleh para guru iaitu teknik beransur-ansur, pengenalan asas taranum, pemanasan suara dan latihan taranum. Teknik ini merupakan perkara yang penting bagi memastikan setiap ilmu disampaikan dengan baik.

4.5 Aktiviti Pengajaran Taranum Al-Quran

Pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan oleh guru dan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran taranum al-Quran sama ada secara formal atau tidak formal. Aktiviti-aktiviti seperti ini dapat memberi rangsangan dan peluang kepada pelajar untuk mengukuhkan serta memantapkan lagi kemahiran bertaranum terhadap al-Quran. Beberapa aktiviti yang sesuai diaplikasikan dalam P&P taranum al-Quran (Muhasip, 2014).

a. Mendengar bacaan Qari dan Qariah

Hilmi (2010) menyatakan bahawa al-Quran seharusnya dijadikan sebagai teman hidup. Al-Quran perlu sentiasa dibaca walau di mana pun seseorang itu berada terutamanya bacaan secara bertaranum. Pelajar tidak dihadkan untuk mempelajari ilmu taranum hanya di kelas dan masjid sahaja, di luar kelas juga boleh bertaranum selagi keadaan dan tempat pelajar suci demi menjaga kehormatan dan kesucian al-Quran (Lukman 2010).

Shahroz (2014) turut berpendapat dengan mengulang kaji bacaan al-Quran pada masa-masa terluang seperti aktiviti ini dijadikan juga sebagai wirid harian pelajar.

b. Berzanji dan Marhaban

Menurut Khalid (2011), taranum merupakan asas kepada berzanji. Berzanji akan mengaplikasikan lagu-lagu serta *harakat-harakat* tertentu daripada alunan taranum. Berzanji boleh dijadikan sebagai aktiviti kerana berzanji akan mengukuhkan lagi lagu-lagu taranum yang telah dipelajari. Setiap kali berzanji, akan disusuli marhaban. Marhaban juga mengaplikasikan lagu-lagu taranum dalam alunannya (Khalid, 2011).

c. Nasyid

Khalid (2011) menyatakan bahawa nasyid juga merupakan alunan yang berasaskan taranum. Nasyid yang dimaksudkan ialah alunan nasyid irama padang pasir yang mengaplikasikan unsur-unsur taranum di dalamnya (Khalid, 2011).

Kepakaran dalam bidang taranum seharusnya diaplikasikan ke dalam bidang lain seperti bidang nasyid (Muhasip, 2014).

Razi (2008) menyatakan dengan mendengar dan mengalunkan nasyid seperti nasyid-nasyid Arab akan membawa kepada peningkatan dari segi *lahjah* Arab. Oleh yang demikian, bagi pengkaji, ada baiknya sekiranya alunan nasyid ini dijadikan aktiviti seharian.

d. Qasidah

Khalid (2011) menyatakan qasidah ialah *harakah, qit'ah, mahattah* tertentu dan jawapan kepada *maqam* lagu tertentu. Selain itu, qasidah biasanya tidak terdapat tempo atau rentak. Qasidah ialah aliran *Hijazi* dan alunan lagu dengan lirik yang bebas (Khalid, 2011).

Pelajar juga digalakkan agar sentiasa mengalunkan qasidah bagi mengukuhkan lagi taranum yang telah dipelajari (Misbachul, 1955).

Kesimpulannya, beberapa aktiviti perlu dilaksanakan bagi memastikan pengajaran yang disampaikan berkesan dan boleh dipraktikkan di luar daripada kelas. Antara aktiviti yang boleh dilakukan ialah mendengar bacaan qari dan qariah, berzanji dan marhaban, nasyid dan qasidah. Aktiviti ini juga boleh memberi kesan yang positif terhadap hasil pembelajaran yang dilakukan.

4.6 Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Dalam Pengajaran Taranum Al-Quran

Menurut Ibnu Khaldun (1948), alat bantu mengajar perlulah seiring dengan P&P guru dan pelajar. Beliau sangat mementingkan penggunaan ABM kerana kadang-kadang pelajar sukar untuk memahami pengajaran guru (Muhasip, 2014).

Selain itu, ABM juga dapat menjimatkan masa dan tenaga guru serta memberi motivasi dan sikap ingin tahu yang tinggi dalam kalangan pelajar (Azmi dan Halim, 2007).

Menurut Haris (2009), dalam P&P al-Quran, secara umumnya ABM yang digunakan ialah mushaf al-Quran. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai ABM yang boleh digunakan semasa proses P&P contohnya bahan elektronik seperti mp3, cd, video, komputer, pita rakaman, komputer, pembentangan slaid, dan sebagainya. Boleh juga menggunakan papan tulis, pen, kertas, pena penanda, mushaf al-Quran, kitab-kitab tafsir dan sebagainya (Muhasip, 2014).

Kesimpulannya, penggunaan ABM dalam pengajaran pendidikan taranum juga menjadi salah satu faktor penting bagi memastikan objektif pengajaran tercapai. Penggunaan ABM menjadikan

pelajar lebih cepat memahami sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Contohnya seperti penggunaan bahan elektronik atau alat-alat yang sesuai dengan peredaran zaman sekarang.

5. Kesimpulan

Dalam penulisan ini, jelas bahawa ilmu pengajaran merupakan satu aspek yang sangat penting bagi seorang guru melaksanakan penyampaian ilmu dengan lebih berkesan khususnya dalam ilmu taranum itu sendiri.

Dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa perkara dalam pendidikan taranum al-Quran yang boleh dirujuk oleh para guru khususnya bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Perkara tersebut ialah memahami maksud definisi taranum al-Quran, mengetahui falsafah pendidikan taranum, mengetahui pengajaran taranum dari aspek kaedah, teknik, aktiviti pengajaran dan penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dalam pendidikan taranum. Semoga penulisan ini dapat memberi manfaat kepada guru-guru Pendidikan Islam khususnya dalam bidang al-Quran dan guru-guru lain secara amnya.

Rujukan

- Abdullah, W. H. W. (2010). *Fannu Tilawah Al-Quran*. Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, M. Y. (2000). *Sejarah dan kaedah pendidikan Al-Quran*. Penerbit Universiti Malaysia.
- Al-Alusi, S. D. S. M. B. (1994). *Ruh al-Ma'ani*. Beirut: Ihya' al-Turath al-Arabiyy. Hal 15 & 16.
- Al-Misri, M. M. A. (1956). *Lisan Al-Arab*. Bayrut: *Dar al-Sadir*. 12, 256.
- Haris, S. (2009). *Musicology in Islam and Quranic Chanting*. (Master Thesis, Interdisciplinary Islamic Studies. Jakarta: Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah).
- Hasan, A. S. (2008). *Kelas Khas Kemahiran Al-Quran di Smka Falahiah Pasir Pekan: Tinjauan Mengenai Metodologi Pengajaran dan Keberkesanannya*. *Tesis Sarjana*. Kuala Lumpur: *Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*.
- Hassan, N., & Majid, L. A. (2015). *Elemen Tarannum dalam Pengajaran Tilawah al-Quran: Satu Tinjauan Literatur*. *Proceeding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI)*. Bangi. UKM.

- Ibrahim, M. L. (2010). *Tarannum al-Qur'an melalui tariq al-Syatibi: kajian terhadap pengamalannya dalam kalangan qari-qari Kelantan ke majlis tilawah al-Qur'an peringkat kebangsaan Malaysia antara tahun 1990-2005* (Doctoral dissertation, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Ibrahim, M. L., Yusoff, M., Yakub, M., & Abdullah, M. (2012). Pro dan kontra tarannum di dalam tilawah Al-quran: Satu kajian perbandingan.
- Isa, K. (2011). *Tan Sri Dato'Haji Hassan Azhari: sumbangannya dalam ilmu tarannum Al-Quran di Malaysia* (Doctoral dissertation, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Ismail, N. J. N. (1998). *Buku Qawaid Taranum: Cara Berlagu*. Darul Fikir Sdn Bhd.
- Ismail, N. J. N. (2007). *Buku Qawaid Taranum*. Darul Fikir Sdn Bhd.
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2007). *Pendidikan Islam: kaedah pengajaran & pembelajaran*. Penerbit UTM Press.
- Jemali, M., Tamuri, A. H., & Hashim, A. (2013). Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Al Quran Di Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Perak. *Cultivating research culture towards Islamic and Arabic Language Education Excellence in Southeast Asia, Epf Institute. Kajang Selangor Malaysia*.
- Mahamod, Z., & anak Nor, M. (2012). Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Iban. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2).
- Marzali, A. (2016). Menulis Kajian Literatur. *Jurnal Etnosia*. 1(2).
- Mohamad, W. F. R. W. (2008). *Haji Ahmad bin Mat Som Pergau dan sumbangannya dalam pengajian tarannum di Kelantan* (Doctoral dissertation, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Muhammad, N. & Haron, R. (2005). *Tahap Penguasaan Bacaan al- Quran di Kalangan Guru Pelatih Bukan Pengkhususan Pengajian Agama Islam*. Institut Perguruan Darul Aman.
- Muhasip, M. S. (2014). *Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-quran di Kuala Lumpur dan Selangor* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Munir, M. M. (1995). *Pedoman lagu-lagu Tilawatil Qur'an: dilengkapi dengan ilmu tajwid & qasidah*. Apollo.
- Noh, M. A. C. (2008). Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah al-Qur'an Pelajar Tingkatan Dua di Malaysia. *Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia*.
- Noh, M. A. C. (2009). Amalan pengajaran tilawah al-Quran: satu tinjauan terhadap persepsi guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 57-72.
- Raus, N. M., & Yusoff, A. M. (2008). *Pengajaran Ilmu Taranum Al-Quran*. Open Universiti Malaysia.
- Sahrani, M. N. (2001). Qiraat Dan Taranum Dalam Tilawah Al- Quran. *Seminar kebangsaan pengajian ilmu al-Quran di dewan Persidangan Ideal, anjuran bersama Pusat Islam Universiti Putra Malaysia dan unit Bahasa Arab Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa dan Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia. Universiti Putra Malaysia*.
- Saied, L. (n.d). *Melagukan Al-Quran*. Surabaya Indonesia. 10.
- Yunoh, A. N. M. (2008). *Seni lagu al-Quran: kajian terhadap sumbangan Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail* (Doctoral dissertation, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Yusoff, Z. M. (2011). *Al Quran dan Sunnah Sebagai Sumber Pendidikan Islam di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Zakaria, F. I. (2011). *Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum al-Quran Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) di Selangor*. *Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.